



Keputusan pemilihan Jawatankuasa Pusat MIC

Presiden

Datuk Seri S. Samy Vellu (kekal tanpa ditandingi bagi rekod 10 penggal pada pemilihan presiden, Mac lalu)

Timbalan Presiden

Datuk G. Palanivel 933 undi

Naib Presiden (3 jawatan)

Datuk S. Sothinathan 1,153
 Datuk S. Veerasingam 1,141
 Tan Sri Dr. K. S. Nijhar 939

Anggota Jawatankuasa

Kerja Pusat (CWC) (23 kerusi)

1. Datuk G. Rajoo 1,176
2. Datuk V. Saravanan 1,116
3. Dr. S. Subramaniam 1,115
4. Datuk M. Davendran 1,048
5. Datuk K. S. Balakrishnan 1,045
6. Datuk R. Ganeson 1,025
7. Kamala Ganapathy 1,012
8. Datuk R. Raghavan 987
9. Datuk T. Rajagopal 983
10. P.K. Subbaiyah 968
11. Datuk S. Balakrishnan 968
12. R. Ragumoorthy 948 *
13. S. S. Rajagopal 935
14. Datuk V. Thiagarajan 924
15. Datuk R. Ganesan 919
16. Datuk Dr. K. Rajapathy 916
17. Datuk S. Krishnasamy 911
18. Datuk Dr. L. Krishnan 831
19. Prof. Datuk T. Marimuthu 828
20. Datuk K. Sivalingam 805
21. Vimalah Nair 802
22. Senator M. Saravanan 776
23. P. Logeswary 775 *

Pendatang baru. Selebihnya adalah penyandang.



BARISAN KEPIMPINAN BARU MIC... (dari kiri) Veerasingam, Sothinathan, Samy Vellu, Palanivel dan Nijhar meraikan kemenangan calon pilihan Presiden selepas mereka diumumkan menang jawatan masing-masing pada Perhimpunan Agung MIC Ke-60 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, semalam.

Jangan terlalu bergantung kepada kerajaan - Samy

KUALA LUMPUR 24 Jun - Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu meminta masyarakat India di negara ini jangan terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan.

Katanya, jika kaum India masih bersikap demikian, mereka pasti tidak akan dapat menunjukkan kemampuan, kreativiti dan potensi yang ada pada diri mereka.

"Kita perlu mengimbangi antara apa yang kita perlukan daripada kerajaan dan apa yang kita mampu usahakan dengan sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan dasar pada Perhimpunan Agung MIC Ke-60 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Kita perlu mengimbangi antara apa yang kita perlukan daripada kerajaan dan apa yang kita mampu usahakan dengan sendiri

- S. Samy Vellu

Perhimpunan itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN).

Samy Vellu berkata, masyarakat India perlu mengekalkan keyakinan diri dan mengurangkan tanggapan pesimis yang boleh menjejaskan kewibawaan serta maruah mereka.

Menteri Kerja Raya itu juga gembira kerana kerajaan memberi pertimbangan

yang serius terhadap cadangan-cadangan yang dibuat oleh MIC bagi kepentingan masyarakat India di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Saya gembira menyatakan bahawa sebahagian besar cadangan kita (MIC) diterima oleh kerajaan.

"Malah, kerajaan di bawah kepimpinan Abdullah turut bertekad membantu masyarakat India," katanya.

Beliau turut menggesa masyarakat India

supaya keluar daripada kepompong lama dan pemikiran yang membelenggu dengan mencari kaedah baru untuk merancang matlamat mereka.

"Masa depan kita terletak di tangan kita (masyarakat India).

"Cabaran-cabaran yang kita hadapi merupakan satu dugaan terhadap tahap ketahanan kita," katanya.

Katanya, dengan adanya sikap itu, ia akan membolehkan masyarakat India menilai, menyedarkan diri serta menjauhkan mereka daripada bergantung kepada orang lain.

Dalam hubungan ini, Samy Vellu berkata, MIC memerlukan satu pasukan kepimpinan berdedikasi yang berkongsi wawasan dan agenda untuk memastikan RMK-9 dilaksanakan dengan berkesan.